

Fungsi dan Kuasa Senat

Senat mempunyai fungsi dan kuasa sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 4(3) dan subseksyen 22(6) Perlembagaan, dan termasuklah fungsi dan kuasa untuk:

- (a) menimbangankan cadangan mengadakan Statut baharu atau meminda Statut atau membatalkan Statut, menurut subseksyen 35(3) Perlembagaan;
- (b) menimbangankan cadangan mengadakan Kaedah-Kaedah baharu atau meminda Kaedah-Kaedah atau membatalkan Kaedah-Kaedah, menurut kuasa di bawah seksyen 36 Perlembagaan;
- (c) membuat peraturan untuk menetapkan kursus pengajian dan sukatan pelajaran bagi peperiksaan;
- (d) mengeluarkan arahan kepada pemeriksa dan jawatankuasa pemeriksa;
- (e) meluluskan keputusan peperiksaan Universiti dan pengurniaan ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik yang lain mengikut Statut, Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan;
- (f) mengurniakan fellowship, biasiswa, bantuan, hadiah dan pingat;
- (g) memberikan arahan mengenai pengajaran dan penyelidikan;
- (h) memberikan arahan am mengenai kemudahan pengajaran dan penyelidikan lain di Universiti; dan
- (i) membuat perakuan-perakuan kepada Lembaga mengenai semua perkara lain yang tidak ditugaskan secara khusus kepada mana-mana Pihak Berkuasa, selain daripada Senat dan Lembaga.